

'Penat belum hilang kena pindah lagi'

» Air banjir naik mendadak paksa enam beranak selamatkan diri

Oleh S Anand Kumar,
Nor Fazlina Abdul Rahim,
Azlan Hafeedz, Shamsudin
Husin, Balqis Jazimah Zahari,
Abu Bakar Al Sidek, Mohd Idris
Sulaiman dan Mohd Sah Muda
bhnews@bh.com.my

► Kota Bharu

"Penat mengemas dan trauma selepas banjir menenggelamkan rumah baru-baru ini belum lagi hilang, sekali lagi kami terpaksa berpindah kerana air naik mendadak sehingga 1.5 meter," rintih Saki-

nah Abdullah, 46.

Ibu kepada empat cahaya mata dari Kampung Kebun Pisang, Kuala Krai, berkata keluarganya baru empat hari pulang ke rumah susulan banjir melanda 24 Disember lalu hingga mereka terpaksa berlindung di bukit berdekatan.

Paras air naik mendadak

"Banjir buruk pada Disember lalu meranapkan rumah kami. Sejak empat hari lalu, kami balik berkemas dan membina khemah untuk berteduh.

"Malangnya, hujan lebat sejak Rabu lalu menyebabkan kami enam beranak bergegas menyelamatkan diri. Paras air naik mendadak, dalam tempoh lima jam, air mencecah paras dada. Khemah

yang kami pasang dihanyutkan arus," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Hujan lebat berterusan selama dua hari sejak Rabu lalu, menyebabkan tiga kampung iaitu Kebun Pisang, Jering dan Pasir Jering, ditenggelami air membuatkan 300 penduduknya terpaksa berpindah semula.

Di sebalik segala kemusnahan dan kerugian dialami, Sakinah bersyukur, ahli keluarganya selamat dan air mulai surut malam kelmarin, namun mereka kini masih trauma setiap kali hujan

lebat berterusan.

Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, Kamal Mustapha, berkata kedudukan tiga kampung itu di kawasan rendah, menyebabkan ia terdedah

kepada banjir setiap kali hujan lebat dan bukannya disebabkan limpahan air Sungai Kelantan yang parasnya masih pada tahap waspada.

Hujan mula reda

Pengarah Jabatan Meteorologi Kelantan, Maqrum Fadzli Mohd Fahmi, berkata hujan lebat di Kelantan mulai reda sejak petang semalam dan dijangka cuaca kembali cerah mulai hari ini.

Katanya, berdasarkan taburan hujan yang semakin berkurangan, tiada gelombang banjir ketiga yang dijangkakan dalam tempoh terdekat.

Namun, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kelantan, Azmi Osman, berkata 570 anggotanya termasuk bantuan daripada luar Kelantan bersama 30 bot penyelamat diarahkan berjaga-jaga kerana cuaca yang masih tidak menentu.

Di **Johor**, seramai 498 mangsa membabitkan 128 keluarga dipindahkan ke enam pusat pemindahan, apabila beberapa kawasan sekitar Mersing dan Segamat, kembali dilanda banjir semalam.

Dalam situasi itu, seorang wanita sarat mengandung, Noredayu Asraf, 26, yang ditempatkan di pusat pemindahan Sekolah Agama Sawah Datuk, Mersing, dipindahkan ke Hospital Mersing jam 8 pagi, semalam untuk bersalin.

